

Headline	TEKNIK BARU PERABOT BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	1,3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	801 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,555
Frequency	Daily	PR Value	RM 94,664



TEKNIK BARU PERABOT BULUH

Buluh adalah produk hutan bukan kayu kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas rotan.

Tergolong dalam kategori Bambusoidae dalam keluarga rumput Graminae, terdapat 59 spesies buluh di Semenanjung Malaysia antaranya Bambusa, Dendrocalamus,

Dinochloa, Racemobamboos, Schizostachyum, Thrysostachys, dan Gigantoshloa.

Sehingga kini, hanya 14 jenis digunakan secara komersial dalam industri berdasarkan buluh di Malaysia. Tanamannya merangkumi 250,000 hektar manakala 200,000

hektar lagi buluh liar.

Ia banyak digunakan sebagai landskap di taman, kawasan rekreasi dan perhutanan urban.

Selain dijadikan penyepit makanan, alat muzik, pencungkil gigi dan produk makanan, buluh turut digunakan sebagai bahan menghasilkan perabot.

Headline	TEKNIK BARU PERABOT BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	1,3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	801 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,555
Frequency	Daily	PR Value	RM 94,664



DARI MUKA 1

Venir (lapisan) putar daripada buluh atau Rotary Veneer from Bamboo (RoVBAM) yang dihasilkan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) adalah teknologi pertama pengulit atau pengupas putar buluh betung (Dendrocalamus asper).

Penyelidikan RoVBAM diketuai Dr Abdul Hamid Salleh bersama Yanti Abd Kadir, Tuan Anis Nadia Tuan Mohd Saipudin, Datuk Dr Marzalina Mansor, Dr Hamdan Husain dan Khairul Masseat.

Dr Abdul Hamid berkata, kajian terhadap buluh betung bagi pengeluaran RoVBAM yang boleh dituai

sekitar tiga hingga lima tahun dilakukan kerana ukur lilitnya lebih besar dan tebal berbanding buluh lain.

“Di Malaysia, venir (lapisan) buluh biasanya dikeluarkan menggunakan teknik hirisan sama ada menghiris blok jalur buluh atau menghiris buluh lapis.

“Kaedah ini memerlukan banyak langkah pembuatan. Bagaimanapun, dengan menggunakan RoVBAM, langkah itu berkurangan, secara tidak langsung mengurangkan kos pengeluaran,” katanya.

Katanya, venir RoVBAM mengekalkan ciri asli buluh yang memberi keunikan

kepadanya.

“Dengan teknik pengulit atau pengupas venir, pelekapan (lamination) dan penekan panas (hot pressing), RoVBAM boleh digunakan sebagai bahan asas untuk perabot dan pembuatan cenderamata.

“Kerusi diperbuat daripada bahan berkenaan juga boleh direka dalam pelbagai bentuk mengikut kreativiti pereka.

“RoVBAM juga lebih praktikal dan mudah dibentuk sebelum ditekan dengan haba panas mengikut bentuk diingini,” katanya.

Katanya, serpihan serta lebihan potongan

daripada proses berkenaan boleh digunakan untuk dijadikan cenderamata bagi mengurangkan bahan buangan.

“Penggunaan lebihan dan serpihan itu secara tidak langsung meningkatkan usaha pemuliharaan buluh,” katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, kaedah dan pembuatan RoVBAM sudah dipatenkan dan beberapa penerbitan dikeluarkan di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Dengan bukti kelayakan ini, pengeluaran RoVBAM dijangka dapat dikomersialkan di seluruh Malaysia, malah di peringkat global,” katanya. -Nor Hanisah Kamaruzaman

Headline	TEKNIK BARU PERABOT BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	1,3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	801 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,555
Frequency	Daily	PR Value	RM 94,664

INFO

Proses pembuatan RoVBAM:

- Buluh dipilih secara teliti mengikut ukur lilit dan ketebalan maksimum.
- Ia kemudian dipotong kepada 27 inci manakala ruasnya diasinkan bagi mengelakkan mata pisau rosak.
- Seterusnya direndam dalam air bagi mengekalkan keaslian selain boleh mengeluarkan kanji dan ekstraktif.
- Buluh direbus dalam air mendidih selama sejam bagi melembutkan serat.
- Kemudian, ia dikupas menggunakan pengupas buluh yang diubah suai.
- Venir (lapisan) buluh yang dikeluarkan dikeringkan menggunakan Roller Conveyer Dryer.
- Venir kemudian dipotong mengikut saiz produk.
- Pelbagai produk seperti perabot, komponen lantai, hiasan dalaman dan cenderamata dapat dihasilkan daripada venir buluh.



Headline	TEKNIK BARU PERABOT BULUH		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	10 May 2016	Circulation	1,270,667
Section	Agro	Readership	3,812,000
Page No	1,3	ArticleSize	801 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 31,555
Journalist	N/A	PR Value	RM 94,664
Frequency	Daily		



DR Abdul Hamid
menunjukkan perabot
yang dihasilkan
daripada RoVBAM.

Headline	TEKNIK BARU PERABOT BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 May 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	1,3	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	801 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,555
Frequency	Daily	PR Value	RM 94,664



MESIN pengupas buluh.